

>>>

## BERITA UTAMA

- 3 TINJAU INISIATIF,  
PRASARANA  
KEMUDAHAN  
SEKOLAH

4



MENCAPAI PENDIDIKAN  
UGAMA YANG BERKUALITI  
TINGGI DAN BERKESAN

11

## INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam  
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan  
**Januari**



Tinjauan Pengintegrasian Mata  
Pelajaran Ugama ke dalam Mata  
Pelajaran Umum

5

Penyampaian Sijil dan Resolusi  
Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji  
dan Umrah Tahun 1445H/2024M

6

Penerimaan Pelajar-Pelajar  
Baharu ITQSHHB Sesi Pengajian  
1445H/2024M

7

Mangsa Kebakaran Terima Agihan  
Wang Zakat

8

Tingkatkan Keimanan, Jauhi  
Maksiat

9

Perjanjian Persefahaman  
Pengurusan Jemaah Haji NBD  
Dimeterai

12

**JANUARI**  
Jamadilakhir 2024 M  
Rejab 1445H Bil 1 • Tahun 36



[www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, *Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah*

**PENOLONG PENASIHAT:** Hajah Zunainah binti Haji Gunong, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah*

**KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan*

**KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan*

**PENYELARAS:** Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani

Hazey Suzainah binti Haji Shaya

**KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim

Mohamad Zelihan bin Ahad

Dahlan bin Chuchu

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Azizah binti Hidup

Suriati binti Haji Ali Hussin

**PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:**

Mohamad Zelihan bin Ahad

**PEMBAHAGI MAJALAH:**

Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin

Nurul Nabilah binti Masri

**GAMBAR:**

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Pusat Da'wah Islamiah

Jabatan Penerangan

**DOA MEMULAKAN PERJALANAN**

...سُبْحَنَ اللَّهِ سَخْلَنَا هَذَا وَمَا كَانَ اللَّهُ مُقْرِنِنَ ﴿٦﴾  
وَلِنَا إِلَيْهِ الْمُنْتَهَىٰ مُنْقَلِبُونَ ﴿٦﴾

**MAFHUMNYA:**  
...Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami.

Surah az-Zukhruff, ayat 13-14

## Lidah Pengarang

### TEKAD BERUBAH

**A**hamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala di atas limpah rahmat-Nya jua mengizinkan kita sama-sama melangkah ke tahun Masihi 2024. Pergantian tahun adalah permulaan yang baik untuk kita berubah menjadi hamba-Nya yang lebih baik dari sebelumnya. Setiap perubahan itu perlu datang dari diri kita sendiri dan bukan untuk memenuhi kehendak atau kepentingan orang lain. Kita perlu bertekad agar perubahan yang kita inginkan dan usahakan itu akan dapat dicapai dan Allah Subhanahu wa Ta'ala jualah yang berkuasa untuk menyempurnakan perubahan tersebut. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah ar-Ra'd ayat 11 mafhumnya:

*"Bagi (setiap) manusia ada malaikat-malaikat silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya yang menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehingga mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki (untuk menimpakan) keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperolehi pelindung selain daripada-Nya."*

Bersyukurlah kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala masih memberikan kita waktu untuk berubah. Hidup yang kita jalani sekarang ini akan jauh lebih baik dari sebelumnya jika kita bersungguh-sungguh untuk berubah ke arah kebaikan dan sebaik-baik perubahan itu adalah berubah demi mencapai kemuliaan di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala. ■

*Selamat Menyambut  
Tahun Baru Masihi 2024*

## TINJAU INISIATIF, PRASARANA KEMUDAHAN SEKOLAH

Oleh: Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



### BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Jamadilakhir bersamaan 3 Januari

- Sempena permulaan persekolahan bagi tahun akademik 2024, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh serta rombongan mengadakan lawatan kerja ke tiga buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Pengkalan Batu, Sekolah Rendah Batang Mitus dan Sekolah Rendah Lumapas.

Antara tujuan lawatan berkенаan adalah untuk meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah, meninjau prasarana dan kemudahan sekolah seperti bilik-bilik darjah termasuk bilik pembelajaran prasekolah, bilik-bilik guru, dewan sekolah, kantin, tempat sembahyang, tempat berwudhu' dan perpustakaan dengan mengambil kira pelaksanaan Pindaan Akta Pendidikan Wajib (APW) Penggal 211 Umur Wajib Bersekolah enam tahun kepada lima tahun.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga berkesempatan berinteraksi dengan para guru dan pelajar semasa lawatan berkenaan dengan mengambil kira pelaksanaan Pindaan Akta Pendidikan Wajib (APW) Penggal 211 Umur Wajib Bersekolah enam tahun kepada lima tahun.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang

Berhormat Menteri Pendidikan serta rombongan meneruskan lawatan kerja ke Sekolah Rendah Batang Mitus. Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh guru besar sekolah berkenaan, Dayang Rokiah binti Haji Maidin.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan berpeluang untuk menyaksikan dengan lebih dekat pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ugama setelah pengintegrasian.

Lawatan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan diakhiri ke Sekolah Rendah Lumapas. Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh guru besar sekolah berkenaan, Dayang Hasdinah Faranom binti Haji Mohd. Hassan.

Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan meninjau prasarana sekolah bagi memastikan prasarana yang sedia ada adalah kondusif untuk mendukung sesi pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, mereka juga berpeluang menyaksikan pelbagai inisiatif yang dijalankan di sekolah dalam menyokong pelaksanaan Pindaan Akta Pendidikan Wajib (APW) Penggal 211 Umur Wajib Bersekolah enam tahun kepada lima tahun.

Turut menyertai rombongan berkenaan ialah ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

## MENCAPAI PENDIDIKAN UGAMA YANG BERKUALITI TINGGI DAN BERKESAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



LAWATAN kerja Menteri Hal Ehwel Ugama di Sekolah Ugama Katok (Bangunan Sekolah Menengah).

### BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Jamadilakhir bersamaan

**8 Januari** – Sempena permulaan sesi persekolahan ugama penggal pertama bagi tahun 2024, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama telah mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Ugama Beribi dan Sekolah Ugama Katok (Bangunan Sekolah Menengah).

Lawatan berkenaan merupakan acara tahunan Kementerian Hal

Ehwel Ugama bagi meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di persekolahan ugama di samping meninjau prasarana dan kemudahan sekolah bagi memastikan penyediaan dan pencapaian pendidikan ugama yang berkualiti tinggi dan berkesan.

Rombongan lawatan turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwel Ugama.

Rombongan dialu-alukan oleh guru besar sekolah-sekolah berkenaan, iaitu Guru Besar Sekolah Ugama Beribi, Dayang Hajah Jamaliah binti Haji Yasin dan Guru Besar Sekolah Ugama Katok (Bangunan Sekolah Menengah), Dayang Norshuhada binti Haji Moksin.

Pengisian lawatan kerja Yang Berhormat dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Guru Besar sekolah dan seterusnya lawatan ke kelas-kelas murid-murid serta berinteraksi bersama murid-murid dan para guru. ■



LAWATAN kerja Menteri Hal Ehwel Ugama di Sekolah Ugama Beribi.

## TINJAUAN PENGINTEGRASIAN MATA PELAJARAN UGAMA KE DALAM MATA PELAJARAN UMUM

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama membuat lawatan ke Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam.

### MUARA, Selasa, 20 Jamadilakhir bersamaan 2 Januari

– Sempena permulaan persekolahan bagi tahun akademik 2024, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama telah membuat lawatan kerja ke tiga buah sekolah di Daerah Brunei Muara iaitu Sekolah Rendah Kapok Muara, Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Sekolah Rendah Serasa.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji

Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwel Ugama, serta rombongan yang terdiri dari pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwel Ugama dan Kementerian Pendidikan.

Lawatan berkenaan merupakan inisiatif bersama Kementerian Hal Ehwel Ugama dan Kementerian Pendidikan untuk meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah, meninjau prasarana dan



BERGAMBAR ramai bersama Guru dan Kakitangan Sekolah Rendah Serasa.



SEMASA lawatan ke Sekolah Rendah Kapok Muara.

## PENYAMPAIAN SIJIL DAN RESOLUSI MUZAKARAH PENGKURSUS IBADAT HAJI DAN UMRAH TAHUN 1445H/2024M

Oleh : Dahlan Chuchu



**TETAMU** kehormat majlis dalam ucapannya berharap agar para peserta yang hadir pada muzakarah tersebut untuk menjadi pelapis guru-guru pengkursus ibadat haji dan umrah di masa akan datang.

**BANDAR SERI BEGAWAN BERAKAS, Rabu, 5 Rejab bersamaan 17 Januari** - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji dan Umrah Tahun 1445H/2024M bertempat di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang juga menyampaikan ucapan dan sijil kepada para peserta Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji dan Umrah Tahun 1445H/2024M.

Turut hadir di majlis tersebut, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap [Pentadbiran dan Kewangan] Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd.Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap [Dasar dan Keugamaan] Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.



**TETAMU** kehormat majlis menyampaikan sijil kepada antara peserta Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji dan Umrah Tahun 1445H/2024M.

Tujuan muzakarah antara lainnya adalah untuk menyelaras hukum hukam berkaitan Haji, Umrah dan Ziarah di kalangan guru-guru pengkursus, selain menyebarluas, menambah dan memantapkan ilmu-ilmu Manasik Haji bagi tenaga-tenaga pengajar, pembimbing-pembimbing saudara baru (muallaf), imam-imam masjid serta pembimbing-pembimbing syarikat pakej Haji dan Umrah.

Di samping pembentangan kertas kerja, taklimat pengurusan Haji juga disampaikan bagi tujuan memberikan penerangan mengenai Haji Negara Brunei Darussalam dan gambaran dan situasi sebenar dan terkini di Tanah Suci terutama di Padang 'Arafah dan Mina seperti menjelaskan tentang perkhidmatan, pengurusan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak-pihak berkenaan di Arab Saudi dan juga syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan Haji dan Umrah serta apa jua dasar peraturan yang telah dietapkan oleh Kerajaan Arab Saudi. ■

## PENERIMAAN PELAJAR-PELAJAR BAHARU ITQSHHB SESI PENGAJIAN 1445H/2024M

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

### BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Rejab Bersamaan 20 Januari

Majlis penerimaan pelajar-pelajar baharu Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Sesi 1445H/2024M telah diadakan di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Pada tahun ini seramai 63 orang pelajar iaitu 30 orang lelaki dan 33 orang perempuan telah diterima masuk ke institut tersebut bagi mengikuti pengajian di peringkat menengah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh. Turut hadir, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama, ibu bapa dan pelajar-pelajar baharu yang diraikan serta para pegawai, guru-guru dan kakitangan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Terdahulu, program minggu ta'aruf (orientasi) bagi pelajar-pelajar baharu telah diadakan selama 6 hari bermula dari 08 hingga 13 Januari 2024. Antara aktiviti yang diaturkan sepanjang sesi orientasi tersebut seperti Bengkel Pengenalan Hafazan Al-Qur'an, taklimat mengenai Bahagian Asrama dan Bahagian Perpustakaan serta tinjauan Bangunan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, taklimat Pengenalan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Kem Motivasi dan Kepimpinan, Kelas Al-Qur'an, Solat Sunat Dhuha berjemaah, Malam Cinta Rasul, Hafazan Challenge, Transformasi Huffaz, Taklimat Fire Drill, Etika Pakaian dan Aktiviti Sukan serta Kuliah Subuh.

Majlis bermula dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an daripada pelajar baharu Tahun 7 bagi sesi pengajaran 1445H/2024M di Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu bacaan surah al-Baqarah dari ayat 284-286 oleh Yang



ANTARA Pelajar-pelajar Baharu ITQSHHB Sesi Pengajaran 1445H/2024M.



**YANG** Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh selaku tetamu kehormat majlis.

Mulia Awang Muhammad Faqieh bin Fisol manakala intisari dibacakan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Azhan Az-Zoreef bin Haji Md Syahiran.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Mulia Ustaz Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit. Disusuli ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Seterusnya, penyerahan Mushaf Al-Qur'an kepada pelajar-pelajar baharu oleh Yang Mulia Tetamu Kehormat dan kemudiannya bacaan ikrar daripada para pelajar baharu Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah sesi 1445H/2024M diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Aryan Rizqin bin Ruslani. Diikuti dengan penerimaan pelajar-pelajar baharu ke Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Mulia Ustaz Awang Irma Mohammad Hazmie bin Haji Metussin. ■

## MANGSA KEBAKARAN TERIMA AGIHAN WANG ZAKAT

Oleh : Azizah Hidup



ANTARA penerima wang zakat yang terdiri daripada mangsa-mangsa kebakaran rumah di Kampong Bolkiah 'A'.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 22 Jamadilakhir bersamaan 4 Januari** - Bagi tujuan meringankan bebanan, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal telah menyerahkan agihan wang zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran rumah di Kampong Bolkiah 'A'.

Majlis Penyerahan Agihan Wang Zakat yang berlangsung di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis itu disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam

Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu kepada seramai 14 penerima yang terdiri daripada lima kelamin.

Mangsa-mangsa kebakaran rumah terlibat menerima sebanyak BND200 setiap seorang dan ditambah dengan Agihan Persekutuan BND100 setiap seorang (untuk dua orang cucu). Jumlah keseluruhan wang zakat yang diserahkan adalah sebanyak BND3,000 diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Kejadian kebakaran rumah yang didiami oleh Awang Rosli bin Haji Tuah dan mangsa-mangsa yang lain berlaku pada 31 Disember 2023 lalu mengakibatkan keseluruhan rumah musnah.

Kesemua mangsa tinggal sementara di rumah yang disediakan oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Bolkiah 'A'. ■

## TINGKATKAN KEIMANAN, JAUHI MAKSIAT

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MEREKA yang menyertai Program Geng Subuh Macam Jumaat.



AWANG Hilman bin Haji Salim semasa menyampaikan tazkirah khasnya di Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

**LAMBAK KANAN, Jumaat, 30 Jamadilakhir bersamaan 12 Januari** - Melakukan ibadah seperti berzikir, berselawat atau membaca al-Qur'an setelah selesai sembahyang fardhu Subuh sememangnya mempunyai banyak manfaat.

Beribadah pada waktu berkenaan, iaitu sebelum matahari terbit, setentunya akan membawa hasil bagi yang ingin mencari keuntungan di dunia, mahupun di akhirat.

Perkara berkenaan antara yang dijelaskan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim semasa menyampaikan tazkirah khasnya pada Program Geng Subuh Macam Jumaat yang berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Beliau seterusnya berkata, ia adalah bertepatan dengan doa yang dipanjatkan oleh Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Shallallahu

'alaihi wa sallam yang secara khusus mendoakan waktu pagi kepada umatnya.

"Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda, 'Ya Allah berkahilah untuk umatku di waktu pagi mereka'. Hadits Riwayat Abu Daud, At-Tirmidzi, An-Nasa'ie dan Ibnu Majah," ujarnya.

Awang Hilman juga turut menekankan pada waktu pagi berkenaan turunnya rezeki daripada Allah Subhanahu wa Ta'alha.

Beliau kemudiannya mengingatkan,

bahawa menurut Imam al-Ghazali, Islam itu terdiri daripada dua perkara, iaitu pertama ialah meninggalkan maksiat (larangan Allah) dan kedua mengerjakan perintah Allah.

"Mengerjakan perintah itu mudah kerana dorongannya itu macam-macam sebagai contoh bersedekah kerana ingin diberikan rezeki oleh Allah, membaca al-Qur'an kerana ingin pahala dan sebagainya."

"Akan tetapi meninggalkan kemaksiatan adalah sangat susah sebab dorongannya satu sahaja iaitu iman.

"Jihad 'kitani' yang paling utama masa ini ialah menguatkan keimanan kepada Allah Subhanahu wa Ta'alha," tambahnya.

Beliau seterusnya menasihatkan untuk mula meninggalkan maksiat ialah dengan meninggalkan perkara haram yang sederhana seperti mengumpat, menyakiti hati orang, menipu dan sebagainya.

"Selain itu, haruslah kita membantu orang-orang yang baharu berhasrat untuk berkunjung ke masjid.

"Paling susah dalam dunia ini adalah istiqamah dalam kebaikan dan istiqamah itu hanya dapat dilakukan dengan saling bantuan membantu ke arah kebaikan. Sebab itulah dalam Islam ada konsep amar ma'ruf nahi mungkar," ujarnya lagi. ■

## PROGRAM QALBUN SALIM

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



PARA peserta bergambar ramai bersama tenaga pembimbing dan tetamu kehormat selepas majlis penyampaian sijil.

**PULAI, Khamis, 13 Rejab bersamaan 25 Januari** – Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Da'wah dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwah Ugama telah mengadakan sebuah kursus Program Qalbun Salim.

Program ini telah dilaksanakan selama tiga hari bermula pada hari Selasa, 11 Rejab 1445H bersamaan 23 Januari 2024M bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah dan ditutup dengan majlis penyampaian sijil yang telah disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat majlis pada 13 Rejab 1445H bersamaan 25 Januari 2024M.

Program ini telah diikuti oleh 24 orang peserta yang terdiri daripada sembilan orang lelaki dan 15 orang pelajar perempuan. Para peserta yang mengikuti program ini terdiri daripada pelajar-pelajar daripada Sekolah Ugama Pelambayan, Sekolah Ugama Delima Satu, Sekolah Ugama Mabohai, Sekolah Ugama PAP Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop, Sekolah Ugama

Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Mentiri, Sekolah Ugama Pulaie, Sekolah Ugama Pusar Ulak dan Sekolah Ugama PAP Hafizah Sururul Bolkiah.

Objektif program ini adalah untuk memberikan kesedaran tentang pegangan aqidah yang betul, memberi pendedahan kepada pelajar akan kepentingan berakhlik dengan akhlak Islam yang terpuji dan menimbulkan kesedaran dalam menghayati dan mengamalkan ibadat dengan sempurna menurut ajaran Islam.

Antara pengisian program ini ialah ice breaking, aqidah, thaharah, akhlak,

sesi perisai diri, dare to change dan uja hati yang dibimbing oleh tenaga pembimbing yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

Pusat Da'wah Islamiah berharap dengan adanya program ini, para peserta akan beroleh manfaat dan nilai tambah dalam menghadapi kehidupan sebagai pelajar dan keimanan yang mantap serta dapat mengamalkan ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.



PARA peserta sedang menjalankan salah satu aktiviti yang menjadi pengisian program tersebut.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوْفِ الْسِّلْمَ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُو أَخْطُوْاتِ الشَّيْطَنِ  
إِنَّهُ لَكُمْ عَذَّابٌ مُّبِينٌ


### Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam agama Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata.

Surah al- Baqarah ayat 208



## Majlis Pengislaman JANUARI 2024



## PERJANJIAN PERSEFAHAMAN PENGURUSAN JEMAAH HAJI NBD DIMETERAI

Oleh : Hazey Suzainah Haji Shaya



**TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD dan Timbalan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi semasa majlis Penandatanganan Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 1445H/2024M di Superdome, Jeddah, Arab Saudi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Jamadilakhir bersamaan 11 Januari -** Perjanjian Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 1445H/2024M telah dimeterai di Superdome, Jeddah, Arab Saudi.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Menteri

Haji dan Umrah Arab Saudi, Yang Mulia Dr. Abdul Fattah bin Sulaiman Mashat.

Sebelum majlis penandatanganan tersebut, satu perjumpaan dua hala telah diadakan untuk membincangkan hal ehwal pengurusan Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1445H/2024M.

Perjanjian Persefahaman Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji NBD Tahun 1445H/2024M adalah hasil daripada Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1445H/2024M yang telah diadakan secara dalam talian pada 18 Oktober 2023 lalu. Terdahulu,

pada 8 Januari 2024, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD berserta rombongan telah menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan dan Pameran Haji dan Umrah di Arab Saudi dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Putera Saud bin Mashal bin Abdul Aziz, Timbalan Gabenor Wilayah Makkah di Superdome, Jeddah Arab Saudi.

Turut hadir pada majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Riyadh, Arab Saudi dan juga rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama NBD.